

Bersama Perdana Menteri, di Hotel City Bayview, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, walaupun pendapatan kerajaan di Langkawi adalah jauh lebih rendah berbanding perbelanjaan membangunkan pulau itu, ia tetap diteruskan bagi mempromosikan pulau peranginan itu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kakitangan kerajaan tidak harus terlalu memikirkan mengenai upah (gaji) kerana apa yang penting adalah kejujuran dan kepuasan bekerja.

"Memang semua orang tidak akan puas dengan upah yang ada. Jika dibandingkan dengan gaji saya, (presiden) Petronas dan (gabenor) Bank Negara, memang apa yang saya peroleh adalah kecil.

"Tapi, saya masih ada kepuasan bekerja. Apa lagi mereka bekerja di bawah saya," katanya.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai pembinaan litar Formula Satu Sepang membabitkan kos RM230 juta yang dianggap merugikan oleh sesetengah pihak.

"Kini semua orang sudah kenal Malaysia menerusi perlumbaan F1 berikutan ia ditayangkan lebih dua jam," katanya.

Kerajaan hanya peroleh hasil cukai peniaga Langkawi

BH 6 APR 2011
LANGKAWI, Jumaat - Pendapatan hasil kemasukan pelancong ke Langkawi bukan milik kerajaan, sebaliknya dinikmati terus penduduk pulau berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Langkawi memperoleh RM2 bilion daripada kemasukan dua juta pelancong tahun lalu, kerajaan hanya mendapat kurang RM10 juta.

Perdana Menteri berkata, wang berkenaan adalah hasil cukai pendapatan yang dikenakan kepada peniaga.

"Kerajaan tidak memperoleh banyak pendapatan dari Langkawi kerana pulau ini adalah bebas cukai menyebabkan tiada barang yang dapat dicukai.

"Kerajaan hanya memperoleh cukai RM28 daripada setiap RM100 pendapatan setiap orang," katanya dalam sesi soal jawab bersama ketua jabatan kerajaan, kakitangan kerajaan, guru dan ahli korporat Dada mailis Sepetang